- Tempat perkuburan baru Islam **tidak digalakkan** diletak di dalam:

  a. Kawasan perdagangan, pentadbiran atau pusat bandar.



Perletakan tanah perkuburan Islam digalakkan berhampiran dengan Masjid

### ii. Menghadap Kiblat

- Jenazah diwajibkan mengadap ke Kiblat atau kaabah (arah kedudukan Kiblat ialah 292° 30'). Bagi tujuan ini, tanah yang rata adalah paling sesuai.



Mengambil kira arah kiblat dalam perancangan tapak kubur.

### iii. Kesihatan Umum

- Tempat perkuburan hendaklah diletakkan pada jarak berikut untuk mengelakkan pengaliran air dari kawasan perkuburan ke tempat-tempat tersebut dan menjejaskan kualiti air:

  a. Sekurang-kurangnya 250m dari kawasan punca air;

  b. Sekurang-kurangnya 50m dari saliran sungai, tasik, tanah lembap dan pantai; dan

  c. Sekurang-kurangnya 10m dari sistem perparitan sedia ada termasuk perparitan pengairan kawasan pertanian.




Mengambil kira jarak sumber/ punca air berhampiran.

### iv. Topografi dan Struktur Tanah




- Jenis tanah yang paling sesuai bagi tempat perkuburan ialah:
  a. Tanah terbuka jenis poros yang mempunyai laluan air dan udara yang mudah dari semua arah bagi membantu proses pereputan mayat;
  b. Sekurang-kurangnya pada paras 2 meter dari paras banjir bagi setiap pusingan 100 tahun; dan
  c. Paras air di dalam tanah harus melebihi 2 meter di bawah permukaan bumi.
- Tempat perkuburan **tidak dibenarkan** dibangunkan di kawasan berikut:
  a. Kawasan yang mudah banjir atau runtuh;
  b. Kawasan yang kerap diancam hakisan seperti sungai dan laut;
  c. Tanah berkecerunan melebihi 35 darjah dan tanah berketinggian melebihi 300m dari aras laut;
  d. Tanah paya, tanah liat dan tanah jenis berbatu; dan
  e. Kawasan bekas lombong kerana tanah ini adalah jenis tanah yang mudah mendap dan mengandungi paras air yang tinggi.

### v. Keperluan *Universal Design*



Menyediakan tempat letak kenderaan OKU dengan ciri-ciri elemen yang disarankan.

- Susun atur tapak hendaklah disediakan dengan memberi pertimbangan sepenuhnya kepada *universal design* supaya boleh diakses secara bebas halangan *(barrier-free)* dan selamat untuk semua golongan pengguna termasuk warga emas, kanak-kanak, wanita mengandung dan orang kurang upaya (OKU).
- Antara ciri-ciri elemen yang disarankan seperti:
  a. Kemudahan *ramp* dilengkapi susur tangan;
  b. Tandas OKU yang mempunyai kemudahan rel pemegang, pintu gelongsor, penggera keselamatan dan keperluan lain berciri spesifikasi OKU; dan
  c. Tanda-tanda laluan yang berasaskan kepekaan dan kemudahan OKU yang lain.
- Penyediaan kemudahan ini hendaklah dirujuk bersama Garis Panduan Perancangan Reka bentuk Sejagat (*Universal Design*) 2011, (GP015-A).

### vi. Keselamatan

- Aspek keselamatan perlu diberi perhatian dengan penerapan elemen fizikal reka kawasan perkuburan yang mampu mencegah kejadian jenayah;
- Antara ciri-ciri elemen yang disarankan dalam bangunan adalah:
  a. Pencahayaan yang baik bagi meningkatkan pengawasan semula jadi;
  b. Peralatan pencegah kebakaran dan alat pemadam api perlu disediakan kelulusan pihak Jabatan Penyelamat Bomba Malaysia;
  c. Penyediaan sistem kawalan keselamatan bersepadu (CCTV).
- Penyediaan kemudahan ini hendaklah dirujuk bersama Panduan Pelaksanaan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran (CPTED) 2011.



*Pencahayaan yang baik.*

### vii. Papan Maklumat dan Tanda Arah

- Papan maklumat dan tanda arah hendaklah diletakkan di tempat pintu masuk utama dan di lokasi yang strategik bagi memberi pergerakan di dalam dan luar dengan selamat;
- Penyediaan maklumat yang menjelaskan kedudukan ruang, susun atur, fungsi ruang serta tatacara penggunaan kemudahan digalakkan.




Papan maklumat yang jelas.

### viii. Pelaksanaan Elemen Hijau

- Pelaksanaan elemen hijau digalakkan dalam rancangan reka bentuk bangunan bagi memastikan pengurusan tenaga yang lebih cekap seperti penggunaan solar panel dan lampu solar;
- Reka bentuk bangunan hendaklah mewujudkan keselesaan dalam bangunan seperti:
  a. Meninggikan siling bangunan, menyediakan ruang pengudaraan *(air-well)* dan halaman bagi menggalakkan pengudaraan semula jadi;
  b. Menggalakkan pencahayaan melalui cahaya matahari dengan reka bentuk dinding menggunakan cermin atau *ventilation blocks* pada dinding bangunan;
  c. Menanam tumbuh-tumbuhan pada permukaan mendatar dan menegak adalah digalakkan untuk mengurangkan kesan haba dan meningkatkan penyerapan karbon dioksida.



Pelaksanaan elemen hijau bagi bangunan pentadbiran.

## GPU 3.2 Kawalan Lalu Lintas

### i. Sirkurlasi dan Jalan Keluar Masuk

- Tempat perkuburan perlulah menyediakan sekurang-kurangnya satu jalan keluar masuk utama yang menghubungkan sistem jalan luaran dengan jalan dalaman.
- Akses tempat perkuburan hendaklah mampu menampung isi padu lalu lintas tanpa menimbulkan kacau ganggu dan kesesakan.
- Alternatif jalan keluar masuk juga digalakkan bagi mengurangkan kesesakan semasa hari perayaan.



*Sikurlasi jalan yang jelas.*

### ii. Tempat Letak Kenderaan

- Tempat perkuburan perlu dilengkapi dengan tempat letak kenderaan yang mencukupi dan disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan 2018,(GP011-A);
- Penyediaan tempat letak kenderaan digalakkan secara *offstreet parking* bagi mengurangkan gangguan kesesakan lalu lintas;
- Peletakan tempat letak kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU) hendaklah strategik dengan mengambil kira aksesibiliti ke pintu keluar atau masuk bangunan tersebut. Saiz minimum tempat letak kereta OKU sudut tepat adalah (3.6m x 6.6m).



Penyediaan tempat letak kenderaan yang mencukupi.

## GPU 3.3 Keperluan Ruang

### i. Tadahan Penduduk Tempat Perkuburan

- Keperluan keluasan tempat perkuburan hendaklah berasaskan kepada pecahan komposisi penganut Islam dan kadar kematian di kawasan setempat.
- Kaedah pengiraan bagi tadahan penduduk untuk keperluan tempat perkuburan adalah seperti berikut:



PBN boleh menetapkan dasar bagi nisbah keperluan keluasan tempat perkuburan di negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing berdasarkan kesesuaian lokasi setempat seperti kadar kematian yang berlainan di antara kawasan.

**Ct = Pt x Mr x Sz x Rg**

**Ct** = Tempat perkuburan pada tahun *t*
**Pt** = Jumlah Penganut unjuran
**Mr** = Kadar kematian
**Sz** = Purata saiz lot kubur*
**Rg** = **Tempoh masa** kubur digunakan semula

* *Purata keluasan untuk satu lot kubur dianggarkan* 8.36mp *termasuk kemudahan sokongan dan landskap.*

Contoh pengiraan:
Keluasan kawasan yang diperlukan untuk perkuburan Islam bagi setiap 1,000 penduduk adalah

$C_t$ = 1000 x 5/1000 x 8.36 x30
= 1254mp
= 0.3 ekar bagi setiap 1,000 penduduk atau 3.0 ekar bagi setiap 10,000 penduduk

- Pecahan tempat perkuburan Islam dan lain-lain agama adalah berdasarkan jadual saiz ideal perbandaran yang dicadangkan seperti berikut:

**Jadual 1: Jadual Saiz Ideal Tempat Perkuburan Bagi Sebuah Perbandaran**

| Hierarki Petempatan | Penduduk Keseluruhan | Keluasan yang perlu disediakan | Tanah Perkuburan Islam (60%) | Tanah Perkuburan Lain-Lain Agama (40%) |
|---|---|---|---|---|
| Pusat Petempatan Utama | 30,001 – 100,000 orang | 9.0 ekar – 30 ekar | 5.4 ekar – 18 ekar | 3.6 ekar – 12 ekar |
| Pusat Petempatan Kecil | 10,000 – 30,000 orang | 3.0 ekar – 9 ekar | 1.8 ekar – 5.4 ekar | 1.2 ekar – 3.6 ekar |
| Kawasan Kejiranan | 5,000 orang | 1.5 ekar | 0.9 ekar | 0.6 ekar |

## ii. Modul Peletakan

- Penyediaan tempat perkuburan Islam hendaklah ditentukan berdasarkan kepada tadahan penganut di sesuatu kawasan mengikut hierarki petempatan;
- Dicadangkan dua kejiranan bagi perbandaran baru mempunyai satu tempat perkuburan Islam iaitu seluas 0.9 ekar dan satu tempat perkuburan Islam berskala besar seluas 1.8 ekar bagi pusat petempatan kecil;
- Menyediakan satu ruang khas untuk tapak perkuburan bagi *unclaimed body* iaitu mayat yang tidak dituntut di Tempat Perkuburan berpusat/bersepadu.

**<u>Modul Peletakan 1(Berpusat/Bersepadu)</u>**

- Bagi setiap 10,000 orang penduduk , dicadangkan tempat perkuburan Islam berskala besar seluas 1.8 ekar bagi satu perbandaran




**<u>Modul Peletakan 2 (Berasingan)</u>**

- Bagi setiap 5,000 orang penduduk, dicadangkan tempat perkuburan Islam seluas 0.9 ekar bagi kawasan kejiranan.



## GPU 3.4 Konsep Tempat Perkuburan Islam

### i. Konsep Perkuburan *Raudhatul Sakinah*

**Konsep Asas**

- Tiga komponen utama diterapkan di dalam perkuburan dalam taman yang meliputi:
  a. 80% adalah bagi tapak pengkebumian;
  b. 14% rangkaian pejalan kaki;
  c. 6% adalah tapak kemudahan infrastruktur dan pengurusan;
  d. Sistem E-Pusara / GeoPusara;
  e. Teknologi Hijau.
- Tapak pengkebumian di Raudhatul Sakinah dibahagikan mengikut blok-blok berukuran **120' (36m) x 160' (49m)** yang dipisahkan dengan siar kaki yang dihiasi dengan pokok-pokok renek;
- Landskap lembut *(softscape)* digalakkan terdiri dari pokok-pokok yang kurang kos penyelenggaraanya, berbau harum, daun berwarna dan rendang seperti cempaka hutan, melor, bunga cina, cempaka putih dan kemboja.

**Rekabentuk Struktur**

- Rekabentuk struktur atas kubur yang seragam juga dikawal oleh pihak pengurusan tempat perkuburan tersebut, namun jenis binaan boleh dipilih oleh waris sama ada binaan jenis *marble*, jubin ataupun terrazzo.

**Teknologi Hijau**

- Penggunaan lampu limpah solar dan lampu LED;
- Pengunaan *Solar Panel.*



Contoh: Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah, KL-Karak



Contoh: Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah, KL-Karak

### ii. Pangkalan Data Lot kubur

- Sistem *E-Pusara dan GeoPusara* merupakan antara alternatif yang berfungsi dengan baik sebagai laman carian bagi tapak perkuburan sediada secara atas talian berbanding dengan kaedah pendaftaran dan pencarian lot kubur secara manual;
- Sistem ini menjadikan pengurusan tempat perkuburan sebagai *user-friendly* iaitu dengan membantu waris mengenalpasti lot pusara yang ingin diziarahi dengan hanya memasukkan maklumat tertentu sahaja.




Contoh E-Pusara Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### Sistem *E-Pusara*

- Sistem pengkalan data yang mengandungi maklumat setiap jenazah yang dikebumikan;
- Sistem ini telah diguna pakai secara meluas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu di semua Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah yang berada di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI);
- Rekod dimasukkan oleh penyelaras perkuburan sebaik sahaja jenazah tiba di tempat perkuburan;
- Waris atau ahli keluarga terdekat juga boleh mengisi secara online sebelum pengkebumian. Justeru, waris boleh membuat semakan terperinci selepas 30 hari dari tarikh pengebumian.

#### Sistem *GeoPusara*

- Sistem ini merupakan aplikasi mudah alih bagi pencarian plot-plot kubur. Aplikasi ini boleh dimuat turun di *google play store;*
- Sistem ini telah diguna pakai di Tanah Perkuburan Islam Kg. Melayu Kangkar Pulai, Johor Bahru;
- Ciri - ciri sistem *GeoPusara* adalah:
  a. Fungsi navigasi ke plot kubur dengan menu carian pantas;
  b. Membantu perekodan lokasi plot kubur beserta maklumat jenazah;
  c. Alat pelaksanaan pengurusan kubur secara sistematik.




Contoh aplikasi GeoPusara Tanah Perkuburan Islam Kg. Melayu Kangkar Pulai, Johor Bahru.

## GPU 3.5 Alternatif Kaedah Perkuburan Semasa dan Masa Hadapan

### i. Alternatif 1: Perkuburan Secara Bertingkat

- Asas pertimbangan pelaksanaan perkuburan bertingkat seperti berikut;
  a. Tempat perkuburan sedia ada sudah penuh dengan jenazah yang disemadikan;
  b. Kawasan bandar dan pekan yang mengalami kekurangan tanah;
  c. Aras tanah yang rendah yang boleh menyebabkan berlakunya banjir;
  d. Tidak menghalang sistem pengudaraan di kawasan persekitaran; dan
  e. Mendapat persetujuan daripada pewaris.
- Pelaksanaan Tempat perkuburan bertingkat perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Agama Islam Negeri sebelum dilaksanakan. *(Rujuk lampiran);*
- PBT hendaklah memaklumkan kepada pewaris mengenai pelaksanaan tempat perkuburan bertingkat sebelum kerja-kerja penambakan dijalankan;
- Tempat perkuburan bertingkat merupakan alternatif kepada orang Islam untuk mengebumikan jenazah, dengan kaedah menimbun tanah di tempat perkuburan islam sedia ada yang sudah padat ruang pengebumian secara berperingkat-peringkat.



Contoh ilustrasi perkuburan bertingkat.

**Rajah 1: Contoh Pelaksanaan Kubur Bertingkat di Tanah Perkuburan Islam Masjid Al Jamiul Badawi**



Pembinaan struktur tembok penahan dan sistem saliran air bawah tanah di perkuburan sedia ada



Batu nisan tingkat 1 dan tingkat 2 yang diletak secara bersebelahan



Konsep '*bucket railing*' untuk mengangkut pasir dan tanah ke tapak kubur sedia ada.



Keadaan tapak kubur Islam bertingkat

### Ciri-Ciri Perkuburan Bertingkat

- Tanah di sesuatu tingkat hendaklah ditambak setinggi 4' (1.22m) atau 3' (1m) di atas kubur yang sudah penuh dengan jenazah yang disemadikan;
- Had ketinggian atau kedalaman maksimum tempat perkuburan adalah tiga (3) tingkat;
- Perkuburan bertingkat hendaklah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di mana :
  a. Tanah kubur tingkat kedua dibina apabila tempat perkuburan sedia ada telah tepu dengan jenazah yang disemadikan; dan
  b. Tanah kubur tingkat ketiga dibina apabila tapak perkuburan tingkat kedua telah tepu dengan jenazah yang disemadikan.
- Susunatur perkuburan bertingkat Islam hendaklah dirancang berdasarkan sistem modul, kemudahan awam, rizab landskap dan sistem sirkulasi.



Contoh susunan perkuburan bertingkat.

### Kerja – Kerja Penambakan

- Sebelum kerja penambakan bagi pembinaan tempat perkuburan tingkat, sebuah tembok konkrit setinggi 4' *(minimum)* dan sistem perparitan hendaklah dibina terlebih dahulu di sekeliling tempat perkuburan sedia ada berdasarkan pelan kejuruteraan yang diluluskan;
- Jenis tanah yang sesuai untuk tujuan penambakan hendaklah sekurang-kurangnya 50% tanah merah jenis *topsoil* dan selainnya adalah tanah pasir;
- Konsep '*bucket railing*' merupakan di antara kaedah yang sesuai dan selamat untuk mengangkut tanah terus ke liang lahad kubur.



Contoh kerja-kerja penambakan perkuburan bertingkat.

## Ilustrasi Perkuburan Bertingkat

**ALTERNATIF 1 :** Perkuburan tingkat satu (1) iaitu tanah setinggi tiga (3) kaki tambak di permukaan tanah asal.

**ALTERNATIF 2 :** Perkuburan tingkat dua (2) iaitu tanah setinggi tiga (3) kaki tambak di permukaan tanah asal.

### *Tempat Perkuburan Bertingkat Semasa*




*Pandangan hadapan*

### *Tempat Perkuburan Bertingkat bagi Pembangunan Baru*




*Pandangan hadapan*

**ALTERNATIF 3 :** Perkuburan alternatif ini adalah dikebumikan secara berperingkat *(staggered)* dan batu nisan adalah mewakili bagi setiap jenazah.

### *Tempat Perkuburan Bertingkat bagi Pembangunan Baru*



### ii. Alternatif 2 : Pengunaan Semula Tempat Perkuburan

- Secara umumnya, sesuatu tempat perkuburan tidak boleh digunakan semula sebelum 30 hingga 50 tahun mengikut keadaan tanah, selepas pengebumian terakhir, bagi memastikan mayat yang dikebumikan telah reput sepenuhnya;
- Penggunaan semula tempat perkuburan hanya dilakukan di kawasan yang amat mendesak sahaja. Sebelum ia dilaksanakan, PBT hendaklah mendapat persetujuan daripada pewaris jenazah/ mayat. Kaedah ini merupakan inisiatif bagi mengoptimumkan penggunaan tanah pada masa akan datang;
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan isu penggunaan semula tempat perkuburan. *(Rujuk Lampiran);*
- Teknik *Ground Penetrating Radar (GPR)* boleh digunakan semasa penggunaan semula tempat perkuburan ketika proses penggalian mayat bagi memastikan tiada mayat yang tertinggal. GPR boleh mendapatkan lokasi yang tepat dan pemetaan objek bawah tanah sebelum pemulaan kerja penggalian tanah.



Penggunaan semula kubur dibenarkan di kawasan yang amat mendesak.

4

# GARIS PANDUAN KHUSUS (GPK)

GPK 4.1 Garis Panduan Tempat Perkuburan Islam

# 4.0
# GARIS PANDUAN KHUSUS (GPK)

## GPK 4.1 Garis Panduan Tempat Perkuburan Islam

### i. Keluasan Tapak Mengikut Hierarki Petempatan

**Kawasan Kejiranan**

- 5,000 orang / 1.5 ekar;
- Diletakkan di antara 2 hingga 3 unit kejiranan supaya lebih ekonomik dan mudah diuruskan dengan tahap kemudahsampaian yang tinggi.

**Pusat Petempatan Kecil**

- 10,000 – 30,000 orang / 3.0 ekar – 9 ekar;
- Diletakkan di antara 2 hingga 3 kawasan kejiranan supaya lebih ekonomik dan mudah diuruskan dengan tahap kemudahsampaian yang tinggi

**Pusat Petempatan Utama**

- 30,001 – 100,000 orang / 9.0 ekar – 30 ekar;
- Diletakkan 20km dari pusat petempatan utama;
- Pelaksanaan perkuburan bertingkat, jika perlu.



Keluasan tempat perkuburan islam mengikut hierarki petempatan.

**Jadual 2: Jadual Saiz Ideal Tempat Perkuburan Islam Bagi Sebuah Perbandaran**

| Hierarki Petempatan | Penduduk Keseluruhan | Keluasan yang perlu disediakan | Tanah Perkuburan Islam (60%) |
|---|---|---|---|
| Pusat Petempatan Utama | 30,001 – 100,000 orang | 9.0 ekar – 30 ekar | 5.4 ekar – 18 ekar |
| Pusat Petempatan Kecil | 10,000 – 30,000 orang | 3.0 ekar – 9 ekar | 1.8 ekar – 5.4 ekar |
| Kawasan Kejiranan | 5,000 orang | 1.5 ekar | 0.9 ekar |

Nota: Penyediaan tertakluk kepada nisbah keperluan keluasan tempat perkuburan negeri/PBT.

### ii. Sistem Sirkulasi

- Jalan Perkhidmatan 50’ (15.2m)
- Lebar Jalan Keluar Masuk 40’ (12.1m)
- Sirkulasi dalaman yang mengelilingi setiap modul. 6.5’ (2.0m)
- Sikurlasi dalaman meliputi:
  a. Jalan masuk ke setiap lot kubur;
  b. Laluan untuk membawa keranda;
  c. Laluan untuk penggali; dan
  d. Pelawat.




*Jarak minimum sikurlasi dalaman kubur.*

## iii. Tempat Letak Kenderaan

**Tempat Letak Kereta (TLK)**

- Minimum 8 - 10 petak

**Tempat Letak Kereta OKU**

- 2% daripada jumlah TLK (lokasi berhampiran pintu masuk utama dengan kemudahan ramp dan railing)

**Tempat Letak Bas**

- Minimum 2 petak



Menyediakan tempat letak bas di lokasi yang strategik.

## iv. Zon Pemisah

Penyediaan zon pemisah minimum 100' (30m) jika bersempadan dengan kawasan pembangunan.

*Nota: Zon pemisah boleh meliputi kawasan hijau/ lapang, infrastruktur dan utiliti.*



Jarak zon pemisah perlu diambil kira dalam perancangan tapak kubur.

## v. Rizab Landskap

Satu rizab landskap selebar 1.5 meter (5 kaki) yang berfungsi sebagai pendinding perlu disediakan di sepanjang laluan pejalan kaki.



Penyediaan kawasan landskap akan mengindahkan kawasan perkuburan.

## vi. Komponen Kemudahan

- Pejabat pentadbiran;
- Gazebo / pondok rehat / tempat berkumpul;
- Surau;
- Tandas;
- Petunjuk arah kiblat;

  (diletakkan di atas tempat perkuburan bagi memudahkan urusan penggalian kubur)
- Papan tanda nama tapak perkuburan


Contoh pondok rehat.

## vii. Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU)

- Menyediakan kemudahan untuk Golongan Kurang Upaya dengan mematuhi Garis Panduan Perancangan Reka bentuk Sejagat *(Universal Design)* 2011, (GP015-A);
- Rujuk Garis Panduan Umum (GPU 3.1) Keperluan *Universal Design* (m/s12 )

## viii. Pelaksanaan Elemen Hijau

- Rujuk Garis Panduan Umum (GPU 3.1) Pelaksanaan Elemen Hijau (m/s13)

## ix. Susunatur Tanah Perkuburan

### Sistem Modul Perkuburan Biasa

- Mengandungi dua (2) barisan kubur. Satu baris mempunyai 20 lot kubur;
- Setiap tanah perkuburan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 25 modul yang boleh memuatkan sebanyak 1,000 lot kubur.

### Sistem Modul Perkuburan Bertingkat

- Mengandungi dua (2) barisan kubur. Satu baris mempunyai 20 lot kubur;
- Setiap tempat perkuburan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 25 modul yang boleh memuatkan sebanyak 2,000 lot hingga 3,000 lot kubur

### Susunan Lot

Susunan lot adalah berdasarkan kepada pengasingan plot perkuburan mengikut jantina iaitu:

- Plot perkuburan lelaki dewasa;
- Plot perkuburan wanita dewasa;
- Plot perkuburan kanak-kanak dan bayi




Contoh susunatur tempat perkuburan.
LD - Lelaki Dewasa
WD - Wanita Dewasa
KB - Kanak-Kanak dan Bayi

## x. Piawaian Saiz Lot Kubur

- Lot kubur : 2.1m x 2.7m (7 kaki x 9 kaki)
- Liang kubur : 1.0m x 2.0m (3 kaki x 7 kaki)
- Penutup kubur : 1.5m x 2.5m (5 kaki x 8 kaki)



## xi. Ilustrasi

Contoh Susunatur Tempat Perkuburan Islam








*Sumber: Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam*

# 5

# MEKANISMA PERANCANGAN

5.1 Agensi Bertanggungjawap

5.2 Keperluan Mewujudkan 'Tabung Amanah Perkuburan'

# 5.0 MEKANISMA PERANCANGAN

## 5.1 Agensi Bertanggungjawab

- Penyediaan tempat perkuburan Islam melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Agama Islam Negeri/ Wilayah Persekutuan (JAIN);
- MAIN bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam dan pelaburan bagi sesuatu pembangunan di sesebuah negeri. Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menerusi MAIN bertanggungjawab bagi badan pengurusan;
- Agensi bertanggungjawab untuk penyediaan tempat perkuburan Islam seperti berikut:

| PERANAN | AGENSI BERTANGGUNGJAWAB |
|---|---|
| **Perancangan** | • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) |
| **Pembangunan** | • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)<br>• Jabatan Agama Islam Negeri/ Wilayah Persekutuan (JAIN)<br>• Pemaju / pemberi wakaf |
| **Pengurusan / Pemantauan** | • Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) |

## 5.2 Keperluan Mewujudkan 'Tabung Amanah Perkuburan'

- Penubuhan Tabung Amanah Perkuburan adalah sebagai suatu alternatif kepada pembangunan baru yang mempunyai isu penawaran tanah dalam memenuhi tempat perkuburan. Walau bagaimanapun, ia perlu dirujuk dan perlu diperhalusi oleh Pihak Berkuasa Tempatan bersama agensi teknikal berkaitan mengikut kes-kes tertentu. Maka, pemaju dan pihak bertanggungjawab hendaklah menyediakan tempat perkuburan berdasarkan kepada saiz tadahan penduduk semasa dan akan datang;
- Selain itu, melalui tabung ini dapat mengatasi isu kekangan peruntukan kewangan untuk pembangunan tempat perkuburan. Tabung amanah perkuburan di setiap PBT sebagai sumber kewangan alternatif. PBT memainkan peranan sebagai pemegang amanah dalam pengurusan tabung ini;
- Duit hasil caruman di dalam Tabung Amanah Perkuburan perlu digunakan untuk tempat perkuburan baharu dan tidak digalakkan untuk penyelenggaraan tanah kubur sedia ada.

## Ringkasan Mekanisme Penyediaan Tempat Perkuburan Islam

### PERANCANGAN TAPAK

Melibatkan proses rundingan bersama:

1. Pejabat Daerah dan Tanah
2. Pihak Berkuasa Tempatan
3. Jabatan Agama Islam Negeri

Untuk menentukan keperluan serahan tapak dan alternatif yang bersesuaian mengikut keperluan

### KEBENARAN MERANCANG (KM)

- Permohonan Pelan Bangunan dan Kerja Tanah
- Penyerahan dan perizaban tapak kemudahan tempat perkuburan

Melibatkan proses bersama:

1. Pihak Berkuasa Negeri
2. Pihak Berkuasa Tempatan
3. Pejabat Daerah dan Tanah
4. Pemaju
5. Unit Perancang Ekonomi Negeri
6. Jabatan Kewangan Negeri

### PEMBINAAN

- PBT akan menentukan lokasi tempat perkuburan baru mengikut keperluan penduduk dan kadar kematian sesebuah tempat

### PEMANTAUAN

- Pemantauan dan urus tadbir oleh Jabatan Agama Islam Negeri

---

**Cadangan Pembangunan** → Saiz Pembangunan

**KAEDAH 1**
Setiap pembangunan yang mempunyai keluasan 100 hektar (250 ekar)
*(≥ 10,000 penduduk)*

↓

Serahan Tapak

↓

**Penyerahan Tapak**

**Diwajibkan** menyediakan tapak perkuburan (Islam dan lain-lain agama) dalam Kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan dirizabkan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara

↓

Sekiranya pemaju enggan menyediakan, maka pemaju dikehendaki membiayai kos pengambilan balik tanah di tapak lain mengikut keluasan yang sama sebagaimana yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**KAEDAH 2**
Setiap pembangunan yang kurang daripada 100 hektar (250 ekar)
*(≤ 10,000 penduduk)*

↓

Caruman Tanpa Serahan Tapak

↓

**Tabung Amanah Perkuburan**

Pemaju/ pemilik tanah tidak dikehendaki menyediakan tapak kubur dalam kawasan pembangunan mereka tetapi dikehendaki menyumbang kepada '**Tabung Amanah Perkuburan**'
**Pengiraan Hasil Caruman seperti di lampiran*

- Dibayar kepada Pentadbir Tanah Daerah
- Hasil caruman adalah berdasarkan saiz tapak perkuburan mengikut saiz tadahan penduduk.

↓

**Dikawal oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri**

Caruman dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Perkuburan yang diletakkan di bawah Bendahari Negeri atau Jabatan Kewangan Negeri

Lokasi tapak kubur yang baru hendaklah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

↓

Tapak Perkuburan ini diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara sebagai rizab kubur

# 6 PENUTUP

# 6.0 PENUTUP

Garis panduan ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan definisi, prinsip perancangan serta garis panduan dan piawaian perancangan yang perlu dipatuhi bagi penyediaan tempat perkuburan Islam.

Semua aspek ini diambil kira bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang masyarakat bagi penyediaan tempat perkuburan. Diharapkan garis panduan ini dapat dipatuhi dan memandu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi berkaitan dan pemaju dalam merancang dan membangunkan tempat perkuburan yang komprehensif dan berkualiti bagi menjamin dan menyokong pembangunan kehidupan yang seimbang dan sejahtera.

# 7 LAMPIRAN

# 7.0 LAMPIRAN

## i) Pengiraan Hasil Caruman 'Tabung Amanah Perkuburan'

**Jadual 3: Jadual hasil caruman mengikut jumlah penduduk**

| Penduduk | Keluasan yang perlu disediakan | Nilai Caruman |
|---|---|---|
| 100,000 orang | 3.0 ekar | Mengikut nilai caruman semasa yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Daerah / Kerajaan Negeri |
| 5,000 orang | 1.5 ekar | |
| 2,500 orang | 0.75 ekar | |
| 1,000 orang | 0.3 ekar | |
| 500 orang | 0.15 ekar | |
| 250 orang | 0.075 ekar | |

**Contoh pengiraan:**

$$\text{Nilai Caruman} = \left( \frac{\text{Unjuran Penduduk}}{\text{Penduduk Asal (10,000)}} \times 3.0 \text{ ekar} \right) \times \text{Nilai Tanah Semasa}$$

## ii) Penggunaan Semula Tempat Perkuburan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan isu penggunaan semula tempat perkuburan dan memutuskan bahawa:

i. Harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau darurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syarak;

ii. Harus menggali semula tanah perkuburan untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru setelah dikenal pasti oleh pihak berkuasa bahawa mayat tersebut telah pun reput.

## iii) Perkuburan Bertingkat

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-92 pada 16 Disember 2010 telah memutuskan bahawa berdasarkan prinsip hukum Islam, pembinaan kubur secara bertingkat harus dilaksanakan sekiranya keperluan amat mendesak bagi mengatasi kekurangan tempat perkuburan islam pada hari ini namun dengan syarat berada dalam keadaan darurat seperti:

i. Kepadatan penduduk; dan
ii. Lokasi tempat perkuburan yang terhad.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
*Planning : Beyond Conventional*

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

myTOWNnet
MALAYSIAN TOWN PLANNING RESEARCH NETWORK

**Diterbitkan oleh:**
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan,
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 **PUTRAJAYA, MALAYSIA**

03-8091 0000
www.planmalaysia.gov.my